

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1987/88

EBS 409 - UNDANG-UNDANG PERLOMBONGAN

Tarikh: 11 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari
(3 jam)

ARAHAN KEPADA CALON

1. Sila pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi TIGA (3) mukasurat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab LIMA soalan sahaja.
3. Semua soalan mengandungi markah yang sama.
4. Semua soalan MESTILAH dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. Bincangkan dengan jelas tujuh daripada empat belas syarat-syarat berkanun (statutory conditions) di mana setiap pajakan perlombongan adalah tertakluk.
2. Di dalam Mining Enactment (F.M.S. Cap. 147), ada disebutkan bahawa setiap pajakan tanah perlombongan boleh disubpajakkan kepada orang lain. Bincangkan bagaimana ini diamalkan di Malaysia. Sebutkan contoh di mana perlu dan berbeza daripada amalan biasa.
3. Bincangkan dengan jelas bagaimana kerja-kerja pencaharian (prospecting) dapat dijalankan di Malaysia.
4.
 - i) Berikan definisi bahan batu (Rock Material) mengikut Kanun Tanah Negara (Akta 56/1965) dan nyatakan perbezaan yang jelas mengenainya berbanding dengan definisi melombong (to mine) di bawah Mining Enactment (F.M.S. Cap. 147).
 - ii) Jelaskan mengenai tatacara permohonan untuk mendapatkan tapak perusahaan kuari di atas tanah Kerajaan di Negeri Perak sehingga dikeluarkan hakmilik.
5.
 - i) Bincangkan mengenai sistem kawalan pengeluaran bahan batu yang diamalkan di Negeri Perak dengan menyatakan kelemahan-kelemahan yang ada pada sistem itu serta cadangan-cadangan anda untuk mengemaskan lagi sistem tersebut.
 - ii) Bincangkan dengan jelas hak-hak pemajak di bawah seksyen 14 sesudah diberikan kelulusan melombong.
6.
 - (a) Nyatakan keadaan-keadaan di mana Perakuan Melombong boleh dirampas balik oleh Pihak Berkuasa Negeri.
 - (b) Bincangkan pelaksanaan penguatkuasaan perjanjian mengambus dan merata bagi tanah-tanah lombong yang habis dikerjakan dan syorkan alternatif untuk mengatasinya.

7. (a) Siapakah yang layak diberi Pajakan Melombong di atas Kerajaan?
- (b) Nyatakan syarat-syarat yang perlu dipatuhi dalam Pajakan Melombong yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

oooo0oooo